

CNS2881

U GB 19-02 00168 BR132

AAB

Mahathir - Iraq '''

KEMAMAN, 19 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tawaran Iraq untuk berundur dari Kuwait hendaklah dipertimbangkan terlebih dahulu sebelum sebarang keputusan dibuat mengenainya.

Perdana Menteri yang diminta mengulas langkah Amerika Syarikat yang menolak tawaran Iraq itu berkata, tawaran itu perlu dipertimbangkan terlebih dahulu, kemudian nyatakan mana-mana perkara dalam tawaran tersebut yang tidak dipersetujui.

+Tetapi kita berasa dukacita kerana minat untuk menghancurkan Iraq nampak kuat sekali, sedangkan kita tidak setuju untuk menghancurkan Iraq.

+Kita hanya bersetuju (dalam Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu) supaya dikeluarkan Iraq dari Kuwait,+ katanya kepada pemberita pada persidangan akhbar sempena lawatannya ke Perwaja Steel Sdn Bhd hari ini.

Jumaat lepas, Iraq menawarkan untuk berundur dari Kuwait secara bersyarat tetapi ditolak oleh Amerika Syarikat dan ekoran itu, Duta Iraq ke Bangsa-bangsa Bersatu, Abdul Amir Al-Anbari telah menyebut bahawa tindakan Amerika Syarikat itu tidak berpatutan kerana menolak tawaran tersebut tanpa merujukinya kepada Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu. -- Lagi.

♥19/02/16-36MST

CNS2884

U GB 19-02 00155 BR133

AAB

Mahathir - Iraq 2 Kemaman

Perdana Menteri menambah kata, tindakan Amerika Syarikat serta tentera campuran ke atas Iraq sekarang, nampaknya berusaha hendak menghancurkan negara itu hingga menjadi abu.

Beliau sekali lagi mempertikaikan kenapa reaksi yang berbeza yang dunia serta Bangsa-bangsa Bersatu tunjukkan semasa Israel menakluki selatan Lebanon serta tebing barat Jordan, dengan penaklukan Iraq ke atas Kuwait.

+Apabila Iraq menyerang Kuwait, reaksi dunia dan Bangsa-bangsa Bersatu keras sekali dengan menghantar tentera sedangkan bila Israel menakluki selatan Lebanon dan tebing barat Jordan tiada reaksipun.

+Kenapa tidak pertahankan wilayah Arab yang ada di tebing barat Sungai Jordan dan selatan Lebanon itu,+ katanya.

Mengenai keputusan mesyuarat sembilan menteri luar negara anggota Komanwel Sabtu lepas yang mahu sekatan perdagangan dan tekanan ke atas Afrika Selatan diteruskan sungguhpun ada perubahan pada dasar negara itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir, keputusan itu telah diambil secara sepakat selepas mengkajinya. -- Lagi.

♥19/02/16-38MST

U GB 19-02 00101 BR134

AAB

Mahathir - Iraq 3 Kemaman

Katanya, Afrika Selatan mestilah memenuhi janji-janjinya (bagi menamatkan dasar aparteid di negara itu) sebelum sekatan dan tekanan ke atasnya ditarik balik.

Perdana Menteri juga ditanya mengenai tawaran Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitingan untuk mewujudkan kerajaan campuran PBS-USNO di negeri itu.

Menurutnya, tidak bermakna bagi PBS menawarkan kerajaan campuran dengan USNO kerana USNO mempunyai beberapa orang sahaja anggotanya dalam dewan undangan negeri.

+Lagipun USNO ialah sebahagian daripada Barisan Nasional maka susahlah jika hendak mewujudkan kerajaan campuran dengan USNO, tanpa bekerjasama dengan BN,+ katanya. -- Bernama.

19/02/16 00101